

TARIKH : 6/2/2023

SURAT KHABAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

# Penarikan WRO rangsang industri sawit negara

## Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa memelihara semua solat fardu, tidak akan ditulis dalam kalangan orang lalai." (HR Ibnu Khuzaimah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:26	1:35	4:56	7:30	8:42
Alor Setar	6:26	1:35	4:55	7:30	8:42
P. Pinang	6:25	1:35	4:56	7:31	8:43
Ipoh	6:22	1:33	4:54	7:30	8:41
Kuala Lumpur	6:18	1:30	4:51	7:29	8:40
Shah Alam	6:18	1:30	4:51	7:29	8:40
Johor Bahru	6:07	1:21	4:42	7:22	8:33
Kuantan	6:12	1:24	4:45	7:23	8:35
Seremban	6:16	1:29	4:49	7:28	8:40
Bandar Melaka	6:14	1:28	4:48	7:27	8:39
Kota Bharu	6:18	1:28	4:48	7:23	8:31
K. Terengganu	6:14	1:24	4:44	7:20	8:32
Kota Kinabalu	5:23	12:33	3:54	6:30	7:41
Kuching	5:43	12:57	4:17	6:57	8:08

**Putrajaya:** Penarikan balik Perintah Tahan Pelepasan (WRO) yang dikenakan terhadap syarikat Sime Darby Plantation oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (CBP AS), memberi impak positif kepada industri sawit negara.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata ini kerana ia berkait rapat dengan pasaran eksport sawit negara, kelangsungan perniagaan industri prinsipal, usaha sama dan subsidiari sawit serta reputasi Malaysia untuk tidak dikaitkan dengan amalan buruh paksa.

"Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan atas segala usaha dan komitmen Sime Darby Plantation dalam menangani isu buruh paksa, yang didakwa oleh CBP AS.

"Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Sime Darby bagi memperkasakan lagi aspek kesejah-

teraan pekerja, selaras dengan ketetapan yang digariskan di bawah undang-undang perburuhan serta instrumen antarabangsa seliaan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

### Contohi usaha tangani isu

Sivakumar berkata, kejayaan Sime Darby Plantation, dengan membangunkan inisiatif seperti 'zero recruitment policy', peme-gangan pasport oleh pekerja dan membangunkan mekanisme penyelesaian aduan dalaman syarikat, harus dijadikan panduan atau model amalan terbaik oleh industri lain.

CBP AS sebelum ini mengenakan WRO terhadap Sime Darby Plantation sejak 2020, sebelum menarik balik perintah berkenaan pada 31 Januari lalu.

Sementara itu, Sivakumar turut menggesa pihak industri, un-

tuk mempertingkatkan lagi usaha mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif kepada pekerja, serta tahap pematuhan terhadap piawaian perburuhan iaitu Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025.

Beliau berkata, NAPFL menyediakan platform bagi memperjuangkan konsep keterangkuman dengan semua pihak berkepentingan dilibatkan, bagi mewujudkan mekanisme terbaik untuk membendung amalan buruh paksa menjelang 2030.

Kementerian Sumber Manusia, katanya, sentiasa berpegang teguh kepada prinsip bahawa sebarang bentuk penindasan atau eksploitasi tidak boleh dikompromi dan aktiviti penguatkuasaan juga dipergiatkan serta mana-mana pihak yang melakukan kesalahan akan dikenakan hukuman yang tegas.

BERNAMA